

23 JUN 2002

Mahathir-Sokong

PEMUDA UMNO TERUS SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini berikrar untuk terus memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Naib Ketua Pemuda Datuk Aziz Sheikh Fadzir berkata pergerakan itu mahu Dr Mahathir terus memimpin demi kestabilan parti dan negara.

Semasa bercakap pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda di sini, beliau berkata Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein sedang berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir bagi menyampaikan sokongan pergerakan itu.

Semalam, Perdana Menteri membuat kenyataan mengejutkan negara pada akhir Perhimpunan Agung Umno apabila mengumumkan keputusan meletakkan semua jawatan parti Umno dan Barisan Nasional tetapi menarik balik keputusannya itu selepas dirayu para anggota Majlis Tertinggi parti.

Dr Mahathir berlepas untuk bercuti ke Eropah selama seminggu pagi ini.

Di Melaka Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata Perhubungan Umno Melaka dan semua parti komponen Barisan Nasional menyatakan sokongan padu mereka terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

"Umno Melaka telah mengadakan mesyuarat terkejutnya pada pukul 3 pagi tadi. Semua bahagian Umno menyatakan sokongan tidak belah-bahagi kepada kepimpinan Dr Mahathir dan semua pemimpin Umno negeri akan menjelaskan perkara itu di peringkat akar umbi," katanya kepada pemberita di RTM Melaka, di sini.

Beberapa pemimpin politik Sabah menyatakan kelegaan terhadap keputusan D Mahathir menarik balik keputusan meletakkan jawatan.

Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata kepada pemberita bahawa negara amat memerlukan kepimpinan Dr Mahathir bukan sahaja untuk pembangunan tetapi kewibawaannya yang berjaya mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

Parti Maju Sabah (SAPP) percaya kepimpinan, kebijaksanaan dan kekuatan Dr Mahathir masih diperlukan untuk memimpin negara mengatasi cabaran di dalam dan luar negara.

Persidangan Perwakilan Gerakan Pulau Pinang meluluskan usul tergepar menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr Mahathir dalam menghadapi pelbagai cabaran di dalam dan luar negara.

Usul itu dikemukakan Pengerusi Gerakan Negeri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, yang juga Naib Presiden parti dan disokong sebulat suara oleh 275 anggota perwakilan.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik sementara itu merayu kepada orang yang paling hampir serta bertanggungjawab menyusun program harian Perdana Menteri supaya mengurangkan aktivitinya agar beliau tidak terlalu penat dan boleh terus memimpin negara untuk jangka masa yang lebih lama.

"Berilah sedikit masa untuk beliau berehat dan kurangkan tekanan terhadapnya. Kita perlu membantu beliau untuk mengubah minda bukan sahaja orang Melayu, malahan rakyat Malaysia keseluruhannya. Saya kenal PM sebagai seorang yang terlalu kuat bekerja dan hanya berehat apabila dipaksa," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata rakyat tidak perlu membuat sebarang spekulasi mengenai pengumuman mengejut Perdana Menteri itu kerana yang penting Dr

Mahathir sudi untuk terus menerajui Umno, tonggak kerajaan BN.

Tidak ada sebab bagi Dr Mahathir untuk berundur kerana beliau menerima sokongan seratus peratus daripada Umno dan semua komponen BN, katanya ketika berucap merasmikan Muzium Herba Dan Rempah Ratus Nasuha, di Jalan Muar-Pagoh.

Parti-parti komponen BN Sarawak turut mahukan Perdana Menteri terus memimpin negara.

Ketua Menteri negeri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata kepimpinan Dr Mahathir telah membawa negara ke tahap kecemerlangan yang tiada tandingannya.

Naib presiden jawatankuasa penaja Parti Nasional Sarawak (Snap) Datuk William Mawan berkata Dr Mahathir seorang pemimpin contoh dan berwawasan dan komitmen peribadinya yang luar biasa telah menempatkan Malaysia pada kedudukannya hari ini.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) pula berkata kepimpinan tegas Dr Mahathir amat diperlukan rakyat Malaysia terutama dalam menghadapi saat kritikal menangani proses globalisasi.

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyatakan bahawa seluruh kakitangan awam memberikan sokongan padu terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam Cuepacs akan menghantar satu delegasi untuk memujuk Perdana Menteri supaya terus mentadbir negara selepas Dr Mahathir balik dari bercuti.

Cuepacs juga akan mengemukakan usul untuk menyokong segala langkah Perdana Menteri bagi memulihkan ekonomi Malaysia dan meningkatkan taraf kehidupan Bumiputera, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan cawangan Melaka.

Di SHAH ALAM, Umno Selangor mengambil ketetapan menyokong penuh kepimpinan Dr Mahathir dan menyatakan bahawa negara serta parti masih memerlukan kepimpinan beliau walaupun keadaan negara sudah stabil dan Umno sudah kuat di matanya.

"Kita masih memerlukan kepimpinannya dan kita tidak rela perkara ini berlaku (peletakan jawatan)," kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno negeri di sini, hari ini.

Sementara itu hampir 300 siswa Universiti Malaya berhimpun di depan Kompleks Perdana Siswa di universiti itu untuk menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir supaya meneruskan kepimpinan beliau.

Jurucakap kumpulan berkenaan Mohamed Hairolnezam Kahmis berkata mereka tidak mewakili mana-mana kumpulan tetapi bersatu kerana satu tujuan.

"Kita amat menghormati beliau dan kelayakan beliau sebagai pemimpin negara memang tidak boleh dinafikan," katanya kepada pemberita.

Parti Progresif Penduduk (PPP) pula yakin Dr Mahathir akan meneruskan perjuangannya kerana beliau seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan negara masih memerlukan nasihat dan tunjuk ajar dalam banyak perkara.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata banyak negara yang menunggu untuk mendapat seorang pemimpin seperti Perdana Menteri tetapi Malaysia bertuah memiliki beliau.

-- BERNAMA

NJ AZH RON